

Headline **Buka akaun Tabung Haji**
Date **02 Sep 2010**
Media Title **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **NORSHAHZURA MAT ZUKI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **297 cm²**
Color **Full Color**
AD Value **1,634**
PR Value **4,901**



Buka akaun Tabung Haji

UMNO Subang ambil pendekatan berlainan bantu 197 anak yatim

NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM – Sebagai tanda prihatin menjelang Syawal, UMNO Bahagian Subang mengambil pendekatan membuka akaun Tabung Haji melibatkan 197 anak yatim sekitar Parlimen Subang.

Ketuanya, Datuk Muhammad Bushro Mat Johor berkata, inisiatif itu diambil untuk membantu golongan tersebut demi masa depan mereka kerana seperti umat Islam lain pastinya mempunyai keazaman untuk menunaikan fardu haji.

“Secara tidak langsung, pembukaan akaun Tabung Haji ini akan mendidik mereka untuk membudayakan aktiviti menabung dan men-

gingati Rukun Islam yang kelima itu,” katanya ketika ditemui di Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan kepada Anak Yatim Parlimen Subang di kediamannya, dekat sini.

Menurutnya, beliau mendapat kerjasama Lembaga Tabung Haji negeri Selangor untuk membuka akaun anak-anak yatim tersebut bernilai RM2 sahaja.

“Kelainan ini dibuat untuk membantu anak yatim di sini kerana selama ini UMNO Subang memberikan sepersalinan pakaian raya.

“Sebelum ini, saya hanya memberikan pakaian raya kepada anak yatim sekitar Dewan Undangan Ne-

geri (DUN) Paya Jaras sahaja namun sejak dua tahun lalu ia diperluaskan melibatkan ketiga-tiga DUN iaitu DUN Bukit Lanjan dan DUN Kota Damansara,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya bersimpati dengan golongan yang memer-

lukan sekitar Parlimen itu dan demi memastikan mereka mendapat bantuan yang disediakan, semua peringkat dalam UMNO mempunyai peranan masing-masing.

“Di peringkat sayap, mereka memberikan bantuan raya kepada

Headline **Buka akaun Tabung Haji**
Date **02 Sep 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **NORSHAHZURA MAT ZUKI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S6**
Article Size **297 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,634**
PRValue **4,901**

asnaf dan ibu tunggal sekitar Subang manakala wanita UMNO Bahagian Subang pula akan berkunjung ke rumah golongan yang memerlukan.

“Diharap dengan bantuan yang diberikan dapat meringankan beban mereka melakukan persiapan untuk menyambut Syawal nanti dan merasakan mereka tidak diabaikan,” katanya.

Bushro berkata, pihaknya juga turut memberikan sumbangan pakaian raya kepada anak yatim di Rumah Kasih Harmoni dan kanak-kanak yang mengikuti pembelajaran di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di DUN Paya Jaras.

“Saya akan meneruskan program sebegini pada masa akan datang kerana setakat ini hampir 300 penerima dan ia dijadikan program tahunan UMNO Bahagian Subang,” katanya.

“ Saya akan meneruskan program sebegini pada masa akan datang kerana setakat ini hampir 300 penerima dan ia dijadikan program tahunan UMNO Bahagian Subang.”

■ **Muhammad Bushro Mat Johor**



■ Seorang penerima bantuan menerima bantuan raya daripada Buhsro dan isterinya, Datin Nor Zalina Zaman sempena Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan kepada Anak Yatim Parlimen Subang di kediamannya, dekat sini.